

Publication : **Berita Harian**
 Date : 3 December 2016
 Section : Bisnes
 Page : 8
 Headline : **Projek Meritus Residensi kukuh kedudukan Hua Yang di Utara**
 PR Value : 101,553.54



Hua Yang

- Hua Yang ditubuhkan pada tahun 1978 dan dikiraf sebagai salah satu pemaju hartanah utama dalam segmen perumahan mampu milik di Malaysia.
- Mempunyai kedudukan kukuh sekitar di Lembah Klang, Perak dan Johor
- Kumpulan itu juga mempunyai simpanan tanah yang belum dibangunkan seluas kira-kira 134.03 hektar di Pulau Pinang dengan
- Potensi GDV mencecah RM1.5 bilion.



Penolong Pengurus Besar Hua Yang, Tony Ng (kiri) dan Pengurus Jualan dan Pemasaran Hua Yang, Soon Kok Seong pada majlis pelancaran projek Meritus Residensi.

Projek Meritus Residensi kukuh kedudukan Hua Yang di Utara

→ Peluang orang ramai miliki rumah pertama naik taraf kediaman

Oleh Nurhayati Abillah
 nurhayatiabillah@bh.com.my

Hua Yang Bhd (Hua Yang), pemaju hartanah terkemuka dalam sektor perumahan mampu milik, menembusi pasaran di kawasan utara menerusi pengenalan projek Meritus Residensi yang memabitkan nilai pembangunan kasar (GDV) berjumlah RM220 juta, di Pulau Pinang.

Projek berkenaan sekali gus menjadi pembangunan pertama kumpulan berkenaan di pasaran hartanah di Pulau Mutiara itu.

Ketua Pegawai Eksekutif, Ho Wen Yan, berkata pengembangan operasi kumpulan ke kawasan utara membuktikan komitmen

Hua Yang dalam merealisasikan sasaran pemilikan rumah mampu milik.

"Permintaan bagi rumah mampu milik dijangka meningkat, terutamanya di Pulau Pinang, berikutan negeri berkenaan sedang pesat berkembang dan tanah di kawasan berhampiran pusat bandar semakin sukar didapati.

Lokasi strategik

"Kami percaya tawaran seperti Meritus Residensi, yang terletak di lokasi strategik dan menyediakan kemudahan memenuhi gaya hidup bandar kontemporari, akan mendapat sambutan menggalakkan daripada pembeli terutama mereka yang mengingink

rumah pertama serta menaik taraf kediaman," katanya menerusi satu kenyataan baru-baru ini.

Beliau berkata, dengan pengaruh dan pengalaman syarikatnya dalam sektor hartanah selama hampir empat dekad, serta disokong oleh kepakaran dalam menyediakan rumah yang inovatif, berkualiti dan mampu dimiliki, pihaknya yakin dapat menembusi pasaran hartanah di utara Semenanjung terutama di Pulau Pinang.

"Ia sekali gus menandakan satu perkembangan positif bagi kumpulan kami," katanya.

Meritus Residensi adalah projek seluas 1.75 hektar merangkumi 480 unit pangapuri perkhidmatan dan 15 unit kedai runcit.

Projek berkenaan juga adalah fasa pertama bagi pembangunan bercampur hak milik kekal seluas 2.82 hektar dan terletak di lokasi strategik sepanjang Jalan baru.

Mercu tanda Prai

Ia memabitkan binaan setinggi 44 tingkat dan bakal menjadi mercu tanda bagi komuniti di Prai. Nilai GDV bagi pembangunan keseluruhannya berjumlah RM324 juta.

Pangapuri perkhidmatan yang ditawarkan juga turut disediakan dalam pelbagai saiz, dengan keluasan bermula daripada 945 kaki persegi, dan dijual pada harga RM364,500 ke atas.

Projek Meritus Residensi dijangka siap menjelang tahun 2020.